

**KONFLIK RUANG AWAM DI TAPAK WARISAN
GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

MUHAMAD FERDHAUS BIN SAZALI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**KONFLIK RUANG AWAM DI TAPAK WARISAN
GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

oleh

MUHAMAD FERDHAUS BIN SAZALI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2018

PENGHARGAAN

Alhamdulillah...

Syukur dan segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan izinNya, tesis Doktor Falsafah ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menjayakan tesis ini. Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada penyelia utama saya, Dr Asyirah Abdul Rahim daripada Universiti Sains Malaysia dan penyelia bersama, Dr. Zikri Mohamad daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Profesor Dato' Dr Morshidi Sirat daripada Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara yang banyak membantu dan sabar memberi tunjuk ajar untuk menjalankan kajian ini. Segala ilmu, tunjuk ajar dan kesabaran para penyelia sekalian membimbing saya sehingga ke tahap ini, hanya Allah S.W.T yang dapat membalasnya. Amin Ya Allah.

Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada agensi yang terlibat seperti Jabatan Perancang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), PLANMalaysia, Pulau Pinang, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), dan lain-lain agensi yang turut serta membantu. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan khas kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah menaja sepenuhnya pengajian Doktor Falsafah saya ini di bawah Program Biasiswa MyBrain15 MyPhD.

Ucapan khas terima kasih sayang ditujukan khas kepada kedua ibu bapa (Pn. Hamidah Bt Md Saad & En. Sazali Bin Ahmad Kaisan) dan ibu bapa mertua (Pn. Arsih Bt Abu Bakar & En. Rosli Bin Hamid). Kasih dan sayang juga dititipkan khas

kepada isteri tercinta Pn. Nur Adila Rosli dan anak kesayangan Muhammad Harith Emran yang sentiasa menyokong dan menjadi pembakar semangat untuk mengubah nasib keluarga kita supaya lebih maju pada masa hadapan. Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada seluruh ahli keluarga dan keluarga mertua yang selama ini bersama-sama memberi semangat dan sokongan dalam menghadapi susah senang sehingga sampai ke tahap ini. Doa dan kesabaran kalian semua menyokong dan memberi galakkan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini amat saya hargai. Kejayaan ini khas buat kalian semua. Sesungguhnya, onak duri dan rintangan yang ditempuh selama ini telah membuahkan hasil.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan dan ahli keluarga yang membantu saya menjadi pembanci dalam usaha untuk mendapat maklumat dan maklum balas dalam kajian ini. Jasa kalian semua amat saya hargai. Diharap kejayaan ini dapat membanggakan seluruh ahli keluarga dan rakan-rakan yang mengenali diri ini. Akhir kata, semoga kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan dalam bidang perancangan bandar, geografi, kelestarian, komuniti dan alam sekitar. Semoga saya dapat terus menyumbang budi dan tenaga dalam bidang akademik dan sahsiah kepimpinan.

Sekian, Wassalam.

MUHAMAD FERDHAUS BIN SAZALI
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia (USM),
2018.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI PLAT	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxvi
ABSTRAK	xxviii
ABSTRACT	xxx

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Persoalan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Skop Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Struktur dan Organisasi Kajian	13
1.8	Rumusan	16

BAB 2 - KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Ruang Awam	17

2.2.1	Sejarah Evolusi Kewujudan Ruang Awam	20
2.2.2	Ciri-Ciri Ruang Awam	21
2.2.2(a)	Tujuan Penggunaan Ruang Awam	21
2.2.2(b)	Kebolehcapaian Ruang Awam	27
2.2.2(c)	Pemilikan Ruang Awam	30
2.2.3	Teori Tempat di Ruang Awam	32
2.3	Konflik Ruang Awam	34
2.3.1	Kajian Lepas Mengenai Konflik Ruang Awam di Bandar	39
2.3.2	Kajian Lepas Mengenai Konflik Ruang Awam di Bandar Warisan atau Tapak Warisan Dunia	49
2.3.3	Konsep Konflik Ruang Awam Dalam Kajian Ini	57
2.4	Kelestarian Ruang Awam	59
2.5	Perundangan yang Melibatkan Ruang Awam di Malaysia	67
2.5.1	Sebelum Pewartaan Tapak Warisan Dunia UNESCO Tahun 2008	68
2.5.2	Selepas Pewartaan Tapak Warisan Dunia UNESCO Tahun 2008	71
2.6	Kerangka Konsep Kajian	73
2.7	Rumusan	76

BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	77
3.2	Reka Bentuk Kajian	77
3.3	Kaedah Pengutipan Data	78

3.3.1	Kaedah Kuantitatif	79
3.3.1(a)	Soal Selidik	79
3.3.1(b)	Saiz sampel	81
3.3.1(c)	Jenis Persampelan	83
3.1.1(d)	Responden Kajian ini	83
3.1.1(e)	Proses Soal Selidik	84
3.3.2	Kaedah Kualitatif	85
3.3.2(a)	Pemerhatian dan Koordinat Lokasi	86
3.3.2(b)	Temu Bual	88
3.4	Proses Penyelidikan	90
3.5	Kaedah Penganalisaan Data	93
3.5.1	Analisis Data Kuantitatif	93
3.5.1(a)	Analisis Kebolehpercayaan	93
3.5.1(b)	Analisis Statistik Deskriptif	94
3.5.1(c)	Analisis Faktor	95
3.5.1(d)	Analisis Taburan Silang dan Ujian Khi Kuasa Dua	96
3.5.1(e)	Analisis Indeks Kepentingan Relatif (RII)	97
3.5.1(f)	Analisis <i>Power Interest Matrix</i> atau Matrik Kuasa Kepentingan	99
3.5.1(g)	Analisis Regresi Mudah	99
3.5.2	Analisis Data Kualitatif	101
3.5.2(a)	Pemerhatian dan Koordinat Lokasi	101
3.5.2(b)	Temu bual	102
3.6	Proses Triangulasi Data	107

3.7	Etika Ketika Melaksanakan Penyelidikan	108
3.8	Rumusan	109

BAB 4 - KAWASAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	110
4.2	Kawasan Kajian	110
4.2.1	Kaki Lima Rumah Kedai	115
4.2.2	Laluan Pejalan Kaki	116
4.2.3	Jalan Raya dan Lorong	117
4.3	Kawasan Konflik Ruang Awam	118
4.3.1	Corak Konflik Ruang Awam	121
4.3.2	Tahap Konflik Ruang Awam	124
4.4	Konflik Ruang Awam oleh Peniaga	127
4.4.1	Halangan Kekal oleh Peniaga	128
4.4.2	Halangan Sementara oleh Peniaga	132
4.5	Konflik Ruang Awam oleh Penjaja	140
4.5.1	Halangan Kekal Oleh Penjaja	141
4.5.2	Halangan Sementara oleh Penjaja	147
4.5.3	Halangan Sementara oleh Penjaja Bergerak	159
4.6	Rumusan	169

BAB 5 – MAKLUM BALAS PENIAGA DAN PENJAJA

5.1	Pengenalan	170
5.2	Latar Belakang Responden	171
5.2.1	Sosio Ekonomi Responden Kajian	171
5.2.2	Jenis Lesen Perniagaan Responden	173
5.2.3	Lokasi Tempat Penjajaan atau Perniagaan Responden	174
5.3	Pandangan Responden Mengenai Ruang Awam	175
5.3.1	Pengetahuan Mengenai Ciri-Ciri Ruang Awam	175
5.3.1(a)	Ciri-Ciri Ruang Awam Mengikut Tahap Pengetahuan Peniaga	176
5.3.1(b)	Ciri-Ciri Ruang Awam Mengikut Tahap Pengetahuan Penjaja	180
5.3.1(c)	Tahap Pengetahuan Ruang Awam Mengikut Jenis Responden	184
5.3.2	Pengetahuan Mengenai Ciri-Ciri Kelestarian Ruang Awam	185
5.3.2(a)	Tahap Pengetahuan Peniaga Terhadap Kelestarian Ruang Awam	186
5.3.2(b)	Tahap Pengetahuan Penjaja Terhadap Kelestarian Ruang Awam	188
5.3.2(c)	Pengetahuan Kelestarian Ruang Awam Mengikut Jenis Responden	190
5.3.3	Kepuasan Peniaga dan Penjaja akan Keadaan Ruang Awam	191

5.3.3(a)	Tahap Kepuasan Peniaga Terhadap Keadaan Ruang Awam	192
5.3.3(b)	Tahap Kepuasan Penjaja Terhadap Keadaan Ruang Awam	193
5.4	Maklum Balas Peniaga dan Penjaja Terhadap Jumlah Ruang Awam	194
5.5	Waktu Konflik Ruang Awam	195
5.5.1	Waktu Peniaga Menyalahgunakan Ruang Awam Sehingga Menimbulkan Konflik Ruang Awam	196
5.5.2	Waktu Penjaja Menyalahgunakan Ruang Awam Sehingga Menimbulkan Konflik Ruang Awam	197
5.6	Pembinaan Halangan oleh Responden	198
5.6.1	Lokasi Peniaga Membuat Halangan Tidak Sah	199
5.6.2	Lokasi Penjaja Membuat Halangan Tidak Sah	199
5.7	Ketegangan Konflik di Kawasan Ruang Awam	200
5.7.1	Pengalaman Peniaga dalam Menghadapi Ketegangan Akibat Konflik Ruang Awam	200
5.7.2	Pengalaman Penjaja dalam Menghadapi Ketegangan Akibat Konflik Ruang Awam	202
5.8	Hubungkait Kesedaran konflik dengan Aduan	202
5.9	Analisis Pembolehubah Faktor Konflik Ruang Awam	205
5.9.1	Taburan Faktor Konflik Ruang Awam	205
5.9.2	Analisis Faktor Pembolehubah Faktor Konflik Ruang Awam	207

5.9.3	Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah Faktor Konflik	211
5.9.4	Analisis Regresi Mudah Faktor Konflik Ruang Awam	212
5.10	Analisis Pembolehubah Kesan Konflik Ruang Awam	215
5.10.1	Taburan Kesan Konflik Ruang Awam	215
5.10.2	Analisis Faktor Pembolehubah Kesan Konflik Ruang Awam	216
5.10.3	Kebolehpercayaan Pembolehubah Kesan Konflik Ruang Awam	221
5.10.4	Analisis Regresi Mudah Kesan Konflik Ruang Awam	222
5.11	Kepuasan Terhadap Ruang Awam Secara Keseluruhan	224
5.12	Rumusan	226

BAB 6 - MAKLUM BALAS TEMU BUAL DAN KEADAAN RUANG AWAM

6.1	Pengenalan	227
6.2	Temua Bual	227
6.2.1	Analisis Kandungan Berasaskan Kod (Kualitatif)	228
6.2.1(a)	Analisis Kandungan Temu Bual Lokasi Konflik	229
6.2.1(b)	Analisis Kandungan Temu Bual Faktor Konflik Ruang Awam	230
6.2.1(c)	Analisis Kandungan Temu Bual Perancangan dan Pembangunan	231

6.2.1(d)	Analisis Kandungan Temu Bual Perundangan	233
6.2.1(e)	Analisis Kandungan Temu Pemantauan	234
6.2.1(f)	Analisis Kandungan Temu Bual Urus Tadbir Ruang Awam	236
6.2.1(g)	Analisis Kandungan Temu Bual Libat Sama Masyarakat Tempatan	237
6.2.1(h)	Analisis Kandungan Temu Bual Kelestarian	239
6.2.2	Analisis Kandungan Berasaskan Kod (Kuantitatif)	240
6.2.3	Pemetaan Kognitif	242
6.3	Analisis Matrik Kuasa Kepentingan Keadaan Ruang Awam	244
6.3.1	Matrik Kuasa Kepentingan Keadaan Semasa di Ruang Awam	244
6.3.2	Matrik Kuasa Kepentingan Keadaan Sepatutnya di Ruang Awam	251
6.4	Rumusan	256

BAB 7 - PERBINCANGAN

7.1	Pengenalan	257
7.2	Konflik Ruang Awam	257
7.3	Faktor Konflik Ruang Awam	263
7.3.1	Ekonomi	263
7.3.2	Penggunaan Ruang Secara Fizikal	268
7.3.3	Penguatkuasaan Undang-Undang dan Aspek Sosial	271

7.4	Kesan Konflik Ruang Awam	274
7.4.1	Ekonomi	274
7.4.2	Fizikal	276
7.4.3	Sosial	278
7.5	Rumusan	283

BAB 8 - CADANGAN DAN KESIMPULAN

8.1	Pengenalan	285
8.2	Rumusan Hasil Kajian	285
8.2.1	Mengenal Pasti Lokasi Konflik Ruang Awam	286
8.2.2	Mengkaji Faktor Konflik Ruang Awam	288
8.2.3	Mengkaji Kesan Akibat Konflik Ruang Awam	290
8.3	Mencadangkan Penambahbaikan Berasaskan Ciri-Ciri Kelestarian Ruang Awam	293
8.3.1	Tanda Kawasan Sempadan Tapak Warisan Dunia UNESCO	294
8.3.2	Meningkatkan Kecekapan Sistem Trafik dan Lalu Lintas	295
8.3.3	Meningkatkan Tahap Keselamatan dan Kebersihan Ruang Awam	298
8.3.4	Mewujudkan Undang-Undang Khas Mengenai Pengurusan dan Penggunaan Ruang Awam oleh Pihak UNESCO	299
8.3.5	Menggalakkan Keterangkuman Sosial di Ruang Awam	299

8.3.6	Kerjasama Kerajaan Tempatan, Agensi Swasta dan Komuniti Bandar	300
8.3.7	Kebolehjalanan, Kebolehsampaian dan Kebolehaksesan ke Ruang Awam	301
8.3.8	Mempromosikan Nilai Sejarah dan Warisan di Ruang Awam	302
8.3.9	Menyokong Ekonomi Masyarakat Tempatan di Kawasan Kajian	303
8.4	Sumbangan Kajian	304
8.4.1	Sumbangan Dalam Bidang Akademik	304
8.4.2	Sumbangan Kepada Penggubal dan Pembuat Dasar Negara	305
8.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	307
8.6	Kesimpulan	308
	RUJUKAN	310
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1	Tujuan Kepenggunaan Ruang Awam Berdasarkan Kajian Lepas	26
Jadual 2.2	Kebolehcapaian Ruang Awam Berdasarkan Kajian Lepas	30
Jadual 2.3	Ciri Pemilikan Ruang Awam Berdasarkan Kajian Lepas	31
Jadual 2.4	Pelestarian Ruang Awam berdasarkan Kajian Lepas	67
Jadual 3.1	Saiz Sampel Berdasarkan Jumlah Populasi	82
Jadual 3.2	Saiz Sampel	83
Jadual 3.3	Jumlah Responden yang Disoal Selidik	84
Jadual 3.4	Nilai <i>Alpha-Cronbach</i> Borang Soal Selidik	94
Jadual 3.5	Interpretasi Skor <i>Alpha-Cronbach</i>	94
Jadual 4.1	Keluasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town	115
Jadual 4.2	Jumlah Bangunan di Tapak Warisan Dunia UNESCO, George Town	115
Jadual 5.1	Sosio Ekonomi Responden Kajian	173
Jadual 5.2	Jenis Lesen Perniagaan Responden	174
Jadual 5.3	Lokasi Perniagaan dan Penjajaan	175
Jadual 5.4	Tahap Pengetahuan Peniaga Mengenai Ruang Awam	176
Jadual 5.5	Kedudukan Tahap Pengetahuan Peniaga Mengenai Ruang Awam	177
Jadual 5.6	Tahap Pengetahuan Peniaga Mengenai Tujuan Kepenggunaan	178
Jadual 5.7	Tahap Pengetahuan Peniaga Mengenai Kebolehcapaian Ruang Awam	179
Jadual 5.8	Tahap Pengetahuan Peniaga Mengenai Ciri Pemilikan Ruang Awam	179

Jadual 5.9	Tahap Pengetahuan Penjaja Mengenai Ruang Awam	180
Jadual 5.10	Kedudukan Tahap Pengetahuan Penjaja Mengenai Ruang Awam	181
Jadual 5.11	Tahap Pengetahuan Penjaja Mengenai Tujuan Kepenggunaan	182
Jadual 5.12	Tahap Pengetahuan Penjaja Mengenai Kebolehcapaian Ruang Awam	183
Jadual 5.13	Tahap Pengetahuan Penjaja Mengenai Ciri Pemilikan Ruang Awam	183
Jadual 5.14	Taburan Silang bagi Pengetahuan Ruang Awam	184
Jadual 5.15	Tahap Pengetahuan Mengikut Jenis Responden	185
Jadual 5.16	Tahap Pengetahuan Peniaga Terhadap Kelestarian Ruang Awam	186
Jadual 5.17	Kedudukan Tahap Pengetahuan Peniaga Terhadap Kelestarian Ruang Awam	187
Jadual 5.18	Tahap Pengetahuan Penjaja Terhadap Kelestarian Ruang Awam	188
Jadual 5.19	Tahap Pengetahuan Penjaja Terhadap Kelestarian Ruang Awam	189
Jadual 5.20	Taburan Silang bagi Tahap Pengetahuan Kelestarian Ruang Awam	190
Jadual 5.21	Pengetahuan Kelestarian Ruang Awam Mengikut Jenis Responden	191
Jadual 5.22	Tahap Kepuasan Peniaga Terhadap Keadaan Ruang Awam	192
Jadual 5.23	Tahap Persepsi Peniaga Terhadap Keadaan Ruang Awam	193
Jadual 5.24	Tahap Kepuasan Penjaja Terhadap Keadaan Ruang Awam	193
Jadual 5.25	Tahap Persepsi Penjaja Terhadap Keadaan Ruang Awam	194
Jadual 5.26	Maklum Balas Responden Terhadap Kecukupan Ruang Awam	195

Jadual 5.27	Waktu Konflik Ruang Awam yang disebabkan oleh Peniaga	197
Jadual 5.28	Waktu Konflik Ruang Awam yang disebabkan oleh Penjaja	198
Jadual 5.29	Lokasi Pembinaan Halangan Tidak Sah Kekal atau Sementara oleh Peniaga	199
Jadual 5.30	Lokasi Pembinaan Halangan Tidak Sah Kekal atau Sementara oleh Penjaja	200
Jadual 5.31	Pengalaman Konflik Ruang Awam oleh Peniaga	201
Jadual 5.32	Pengalaman Konflik Ruang Awam oleh Penjaja	202
Jadual 5.33	Kesedaran Konflik dengan Aduan	203
Jadual 5.34	Hubung Kait Kesedaran Konflik dengan Aduan	204
Jadual 5.35	Taburan Faktor Konflik Ruang Awam	205
Jadual 5.36	Keputusan Ujian <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i> dan <i>Barlett's</i>	207
Jadual 5.37	Pembolehubah Faktor Konflik Ruang Awam	209
Jadual 5.38	Nilai <i>Eigen</i> dan Peratusan <i>Varians</i> pembolehubah Faktor Konflik	210
Jadual 5.39	Analisis Faktor Pembolehubah Faktor Konflik Ruang Awam	210
Jadual 5.40	Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah Faktor Konflik	211
Jadual 5.41	Ringkasan Model Regresi Faktor Konflik Ruang Awam	212
Jadual 5.42	Analisis Regresi ANOVA Faktor Konflik Ruang Awam	213
Jadual 5.43	Uji Koefisien Regrasi Faktor Konflik Ruang Awam	213
Jadual 5.44	Ringkasan Pembolehubah yang Mempengaruhi Konflik Ruang Awam	214
Jadual 5.45	Taburan Kesan Konflik Ruang Awam	215
Jadual 5.46	Keputusan ujian <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i> dan <i>Barlett's</i>	217
Jadual 5.47	Pembolehubah Kesan Konflik Ruang Awam	219

Jadual 5.48	Nilai <i>Eigen</i> dan Peratusan <i>Varians</i> Pembolehubah Kesan Konflik	220
Jadual 5.49	Analisis Faktor Pembolehubah Kesan Konflik Ruang Awam	220
Jadual 5.50	Analisis kebolehpercayaan Pembolehubah Kesan Konflik	221
Jadual 5.51	Ringkasan Model Regresi Kesan Konflik Ruang Awam	222
Jadual 5.52	Analisis Regresi ANOVA Kesan Konflik Ruang Awam	223
Jadual 5.53	Uji Koefisien Regrasi Kesan Konflik Ruang Awam	223
Jadual 5.54	Tahap Kepuasan Terhadap Ruang Awam Secara Keseluruhan	225
Jadual 5.55	Tahap Persepsi Terhadap Ruang Awam Secara Keseluruhan	226
Jadual 6.1	Analisis Kandungan Temu Bual Lokasi Konflik Ruang Awam	230
Jadual 6.2	Analisis Kandungan Temu Bual Faktor Konflik Ruang Awam	231
Jadual 6.3	Analisis Kandungan Temu Bual Perancangan dan Pembangunan	233
Jadual 6.4	Analisis Kandungan Temu Bual Perundangan	234
Jadual 6.5	Analisis Kandungan Temu Bual Pemantauan	235
Jadual 6.6	Analisis Kandungan Temu Bual Urus Tadbir Ruang Awam	237
Jadual 6.7	Analisis Kandungan Temu Bual Libat Sama Masyarakat Tempatan	238
Jadual 6.8	Analisis Kandungan Temu Bual Kelestarian	240
Jadual 6.9	Frekuensi Kekeperan Kod atau <i>Nodes</i>	240

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 2.1	Perkhidmatan Ruang Awam dalam Bandar	62
Rajah 2.2	Kerangka Konsep Kajian	75
Rajah 3.1	Reka Bentuk Penjelasan (<i>Explanatory Design</i>)	78
Rajah 3.2	Pengkelasan Item Skala Likert	79
Rajah 3.3	Proses Penyelidikan	92
Rajah 3.4	<i>Average Nearest Neighbour</i>	102
Rajah 3.5	Proses Analisis Data Menggunakan <i>NVivo 12 Plus</i>	106
Rajah 3.6	Proses Triangulasi Data	108
Rajah 4.1	Kawasan Kajian di Tapak Warisan Dunia UNESCO, George Town, Pulau Pinang	114
Rajah 4.2	Laluan Kaki Lima Rumah Kedai di Tapak Warisan Dunia UNESCO	116
Rajah 4.3	Laluan Pejalan Kaki di Tapak Warisan Dunia UNESCO, George Town, Pulau Pinang	117
Rajah 4.4	Jalan Raya dan Lorong di Tapak Warisan Dunia UNESCO, George Town, Pulau Pinang	118
Rajah 4.5	Lokasi Konflik Ruang Awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO, George Town, Pulau Pinang	120
Rajah 4.6	Analisis Corak Konflik Peniaga yang Membina Halangan Kekal	122
Rajah 4.7	Analisis Corak Konflik Peniaga yang Membina Halangan Sementara	123
Rajah 4.8	Analisis Corak Konflik Penjaja yang Membina Halangan Kekal	123
Rajah 4.9	Analisis Corak Konflik Penjaja yang Membina Halangan Sementara	124
Rajah 4.10	Tahap Konflik Ruang Awam	126

Rajah 6.1	Ringkasan Hasil Analisis Kandungan	241
Rajah 6.2	Pembangunan Kerangka Peta Minda Hasil Analisis Kajian	242
Rajah 6.3	Peta Projek Sumber Data Temu Bual	243

SENARAI PLAT

Muka Surat

Plat 2.1	Kaedah ' <i>Quietening Open Spaces Towards Sustainable Soundscapes for the City of London</i> '	66
Plat 3.1	Membentuk Transkrip Temu Bual	104
Plat 3.2	Proses Membangunkan Kod Menggunakan <i>NVivo 12 Plus</i>	105
Plat 4.1	Peniaga Membuat Halangan Kekal di Atas Ruang Awam Kaki Lima Kedai dan Penjaja Membuat Aktiviti Penjajaan di Atas Jalan Raya Utama Di Lebuh Kimberly, George Town, Pulau Pinang	130
Plat 4.2	Peniaga di Kawasan Kaki Lima Jalan di Jalan Transfer, George Town, Pulau Pinang	131
Plat 4.3	Peniaga di Kawasan Kaki Lima Jalan di Jalan Transfer, George Town, Pulau Pinang	131
Plat 4.4	Barangan Jualan di Kaki Lima Jalan Raya di Lorong Line Clear.	133
Plat 4.5	Peniaga Basikal Sewa Menyalahgunakan di Kawasan Kaki Lima Jalan Raya di Gat Lebuh Acheh, George Town, Pulau Pinang	134
Plat 4.6	Peniaga Memasang Khemah Sementara di Kaki Lima Jalan di Jalan Masjid Kapitan Keling, George Town, Pulau Pinang.	135
Plat 4.7	Peniaga Meletakkan Barangan Jualan di Kaki Lima Jalan di Lebuh Campbell, George Town, Pulau Pinang	136
Plat 4.8	Peniaga Meletakkan Kerusi dan Meja di Kaki Lima Kedai di Lebuh Campbell, George Town, Pulau Pinang	137
Plat 4.9	Peniaga Meletakkan Barang Jualan di Kaki Lima Kedai di Jalan Penang, George Town, Pulau Pinang	138
Plat 4.10	Peniaga Meletakkan Barang Jualan Sehingga Menghalang Laluan di Kaki Lima Kedai di Jalan Penang, George Town, Pulau Pinang	138
Plat 4.11	Peniaga Mempamerkan Barangan Jualan dan Membuat Binaan Kekal Sebagai Halangan di Ruang Kaki Lima di	139

	Lebuh King, George Town, Pulau Pinang	
Plat 4.12	Peniaga Membuat Binaan Kekal Sebagai Halangan di Ruang Kaki Lima di Lebuh King, George Town, Pulau Pinang	140
Plat 4.13	Penjaja Menguasai Penghujung Jalan Green Hall, George Town, Pulau Pinang	143
Plat 4.14	Penjaja Mempamerkan Barangan Jualan dan Membuat Binaan Kedai Kekal Sebagai Halangan di Laluan Pejalan Kaki di Pengkalan Weld, George Town, Pulau Pinang	144
Plat 4.15	Penjaja Mempamerkan Barangan Jualan dan Membuat Binaan Kekal Sebagai Halangan di Laluan Pejalan Kaki di Lebuh Pasar, George Town, Pulau Pinang	145
Plat 4.16	Penjaja Mempamerkan Barangan Jualan dan Membuat Binaan Kekal Sebagai Halangan di Laluan Pejalan Kaki di Lebuh Pasar, George Town, Pulau Pinang Sheikh Barakhbah, George Town, Pulau Pinang	145
Plat 4.17	Penjaja Mempamerkan Barangan Jualan dan Membuat Binaan Kekal Sebagai Halangan di Lorong Berhampiran Jalan Chulia, George Town, Pulau Pinang	146
Plat 4.18	Penjaja Memasang Khemah dan Kerusi Meja di Lebuh Keng Kwee, George Town, Pulau Pinang	148
Plat 4.19	Penjaja Menguasai Kaki Lima Jalan di Lebuh Keng Kwee, George Town, Pulau Pinang	149
Plat 4.20	Penjaja Menyalahgunakan Lorong di Jalan Transfer, George Town, Pulau Pinang	150
Plat 4.21	Penjaja di Kawasan Kaki Lima Jalan Raya di Jalan Chowrasta, George Town, Pulau Pinang	151
Plat 4.22	Penjaja di Kuala Kangsar, George Town, Pulau Pinang	152
Plat 4.23	Penjaja Mempamerkan Barangan Jualan dan Membuat Binaan Sementara Sebagai Halangan di Atas Jalan Raya Jalan Kuala Kangsar, George Town, Pulau Pinang	152
Plat 4.24	Penjaja Perkhidmatan Urutan Tidak Sah di Kaki Lima Jalan Tun Syed Sheikh Barakhbah, George Town, Pulau Pinang	153
Plat 4.25	Penjaja Membuat Persembahan dan Menjual Barangan di	154

	Kali Lima Jalan Tun Syed Sheikh Barakhbah, George Town, Pulau Pinang	
Plat 4.26	Penjaja Menguasai Hampir Keseluruhan Kawasan Dataran Kaki Lima di Padang Kota, Jalan Tun Syed Sheikh Barakhbah, George Town, Pulau Pinang	155
Plat 4.27	Penjaja Mempamerkan Barangan Jualan di Laluan Pejalan Kaki di Jalan Penang, George Town, Pulau Pinang	156
Plat 4.28	Penjaja Meletakkan Kerusi dan Meja Sebagai Halangan Sementara di Atas Jalan Raya di Lebuh Tamil, George Town, Pulau Pinang	157
Plat 4.29	Penjaja Meletakkan Kerusi dan Meja Sebagai Halangan Sementara di Atas Jalan Raya di Lebuh Tamil, George Town, Pulau Pinang	158
Plat 4.30	Penjaja Meletakkan Kerusi dan Meja Sebagai Halangan Sementara di Atas Jalan Raya di Lebuh Tamil, George Town, Pulau Pinang	158
Plat 4.31	Penjaja Bergerak di Jalan Dickens, George Town, Pulau Pinang	161
Plat 4.32	Penjaja Bergerak di Kaki Lima Jalan Tun Syed Sheikh Barakhbah, George Town, Pulau Pinang	162
Plat 4.33	Penjaja Bergerak di Jalan Tun Syed Sheikh Barakhbah, George Town, Pulau Pinang	163
Plat 4.34	Penjaja Bergerak di Jalan Sri Bahari, George Town, Pulau Pinang	164
Plat 4.35	Penjaja Bergerak Menguasai Kaki Lima Jalan Raya di Lebuh Kimberly	165
Plat 4.36	Penjaja Bergerak di Jalan Chowrasta, George Town, Pulau Pinang	166
Plat 4.37	Penjaja Bergerak di Jalan Chowrasta, George Town, Pulau Pinang	166
Plat 4.38	Penjaja Bergerak di Jalan Pengkalan Weld, George Town, Pulau Pinang	167
Plat 4.39	Penjaja Bergerak di Persimpangan Lebuh Carnavon dan Jalan Chulia, George Town, Pulau Pinang	168

SENARAI SINGKATAN

CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
GTWHI	<i>George Town World Heritage Incorporated</i>
GPS	<i>Global Positioning System</i>
HEJIM	Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
KFA	<i>Key Performance Area</i>
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
LA 21	<i>Local Agenda 21</i>
MBPP	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
OWHC	<i>Organization of World Heritage Cities</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
RFN	Rancangan Fizikal Negara
RII	<i>Relative Importance Index</i>
RKK	Rancangan Kawasan Khas
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TWD	Tapak Warisan Dunia
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>

UAE	<i>United Arab Emirates</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i>
WRI	<i>World Resources Institute</i>
WBCSD	<i>World Business Council for Sustainable Development</i>

KONFLIK RUANG AWAM DI TAPAK WARISAN GEORGE TOWN, PULAU PINANG

ABSTRAK

Kawasan kajian Tapak Warisan Dunia UNESCO ini merupakan sebahagian daripada bandar George Town, Pulau Pinang. Pelbagai aktiviti perniagaan menguasai sebahagian besar pelusuk ruang yang ada. Ruang yang berada di dalam tapak warisan dunia ini menyimpan pelbagai nilai warisan sejarah yang tidak dibenarkan sebarang perubahan tanpa kebenaran. Ruang awam adalah elemen utama yang menghubungkan antara satu tempat dengan yang lain di dalam kawasan kajian ini. Walau bagaimanapun, sebahagian besar para peniaga dan penjaja telah menyalahgunakan ruang awam di kawasan kajian ini untuk kepentingan peribadi secara tidak sah yang menyalahi peruntukan undang-undang sehingga menimbulkan konflik ruang awam. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti lokasi konflik ruang awam, mengkaji faktor dan kesan konflik berdasarkan dapatan soal selidik dan temu bual dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan berasaskan ciri-ciri kelestarian ruang awam. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik terhadap 103 orang peniaga, 209 penjaja dan temu bual terhadap 3 agensi yang terlibat mengurus tadbir ruang awam. Dapatan kajian menunjukkan lokasi konflik ruang awam yang mempunyai halangan sementara dan halangan kekal yang telah dikoordinat dan dianalisis menggunakan aplikasi ArcGIS 10.1. Permintaan akan aktiviti makanan jalanan atau *street food* yang sememangnya terkenal di kawasan kajian dan ketidakpekaan akan peraturan telah dikenalpasti sebagai faktor utama konflik ruang awam berlaku. Seterusnya, kesan utama konflik ruang awam ini yang telah dapat dikenalpasti adalah wujudnya halangan kekal atau sementara secara tidak sah yang menjejaskan lanskap dan dalam

masa yang sama telah mencemarkan kawasan kajian. Maka, berdasarkan dapatan kajian, beberapa langkah penambahbaikan berasaskan ciri-ciri kelestarian ruang awam telah dicadangkan dalam kajian ini untuk menjamin ruang awam di kawasan kajian terus kekal terpelihara dan lestari.

CONFLICT OVER PUBLIC SPACES IN GEORGE TOWN HERITAGE SITE, PULAU PINANG

ABSTRACT

This study area, UNESCO World Heritage Site is part of George Town, Pulau Pinang. Various business activities dominated most of the space. Space within this UNESCO World Heritage Site holds a wide range of historical values which prohibit unauthorized changes. Public spaces are the main elements that connect between places. However, there are traders and hawkers who misused the public space which lead to conflict. However, most of the traders and hawkers had abused the public spaces for personal gain illegally had contravene the provisions of the law which lead to public space conflicts. So, the objective of this study was to identify the location of public spaces conflicts, to examine the factors and effects of public space conflicts based on the findings from the questionnaire and interviews. Subsequently, suggest the improvements based on the characteristics of public space sustainability. Questionnaire survey on 103 traders, 209 hawkers and interviews with 3 government agencies involved in managing public space had been conducted. The findings showed the location of public space conflicts with the temporary and permanent obstacles which had been analyzed using the ArcGIS 10.1 application. Demand for street food activities or street food that is well-known in the study area and insensitivity of the regulations has been identified as a major factor lead to the public space conflicts. Subsequently, the main impact of this public space conflict that has been identified is the existence of an indefinite temporary or temporary barrier that affects the landscape and at the same time had polluted the study area. Therefore, based on the findings, several improvement steps based on the

characteristics of public space sustainability have been proposed in this study to ensure that public spaces in the study area continue to be preserved and sustainable.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ruang awam adalah elemen yang perlu dan wajib ada dalam sesebuah bandar. Ruang awam secara amnya ditakrifkan sebagai tempat yang boleh diakses oleh orang awam secara bebas tanpa sebarang halangan dan tertakluk kepada undang-undang atau peraturan setempat. Heckscher & Robinson (1977) dan Cattell *et al.*, (2008) bersepakat bahawa ruang awam adalah salah satu ciri penting dan topografi asas yang melengkapkan ruang atau tempat sesebuah bandar. Kewujudan ruang awam di dalam bandar tidak dapat dinafikan akan kepentingan yang dimainkannya berdasarkan fungsi dan definisi sebenar ruang awam terbabit. Kegagalan ruang awam berfungsi dengan baik dan sistematik akan menjejaskan aktiviti yang berlaku di dalam sesebuah bandar.

Kawasan kajian ini berada di dalam sempadan kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang yang telah diisytiharkan oleh pihak UNESCO pada 7 Julai 2008. Pewartaan ini meningkatkan lagi keunikan kawasan tersebut yang memberi nilai tambah dalam konteks warisan dan komersial dalam aspek ekonomi pada ruang awam tersebut. Tapak warisan dunia ini telah diwartakan kerana memenuhi tiga daripada sepuluh elemen nilai keunggulan sejagat (*Outstanding Universal Values*) yang ditetapkan oleh pihak UNESCO iaitu bandar perdagangan pelbagai budaya, warisan pelbagai budaya tradisi asia dan pelbagai reka bentuk rumah kedai dan rumah bandar yang luar biasa (UNESCO, 2008).

Apabila sesuatu kawasan atau tempat itu diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh

pihak UNESCO, semua perkara yang berada di dalam dan juga sekitarnya akan meningkat naik nilai khazanah warisannya. Semua yang berada di dalam lingkungan sempadan tapak warisan dunia tersebut akan dilindungi sepenuhnya, dipelihara keaslian, mutu dan kualitasnya untuk tatapan generasi kini dan masa hadapan. Dari perspektif pengurusan tapak, pewartaan mempunyai beberapa kesan serta-merta yang tiada faedah kewangan namun besar impaknya pada nilai warisan negara dan khususnya pada mata dunia luar. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa pewartaan memberikan beberapa kepentingan secara langsung dan tidak langsung antaranya untuk mengekalkan, melindungi dan memulihara sebarang pembangunan yang tidak terkawal (Timothy & Boyd 2003). Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang ini merupakan salah satu daripada 832 kawasan dalam kategori tapak budaya yang telah diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh pihak UNESCO. Menurut pihak UNESCO, sejak tahun 1992, interaksi yang signifikan antara manusia dengan persekitaran semula jadi telah diiktiraf sebagai lanskap budaya. Perkara seperti inilah yang perlu dipelihara dan dijaga dalam usaha untuk memastikan kelestarian tapak warisan dunia ini terus terpelihara.

Namun sejak akhir-akhir ini, aktiviti pembangunan, pemodenan yang tidak terkawal dan perkembangan sektor perniagaan terutamanya yang berasaskan perniagaan jalanan telah menjejaskan fungsi ruang awam di dalam bandar (Anastasia dan Renia, 2009; Bosire, 2013; Brown, 2006; McKinley, 2007; Mitullah, 2003; Pedro & Ricardo, 2013; Rajagopal, 2001; Sharma, 2000; UN-Habitat, 2013). Pelbagai aktiviti telah mengambil tempat di ruang awam bandar terutamanya di kawasan ruang awam kajian ini. Secara umumnya, aktiviti perniagaan dan penjajaan yang dijalankan merupakan daya penarik para pelancong ke kawasan Tapak Warisan Dunia

UNESCO George Town, Pulau Pinang ini yang sememangnya terkenal dengan aktiviti penjualan makanan berasaskan jalanan atau '*street food*'. Hal ini dikuatkan lagi apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan *tagline* '*Penang Street Food*' pada tahun 2017 untuk industri pelancongan di Pulau Pinang (penang.gov, 2015).

Aktiviti penjualan oleh para peniaga dan penjaja ini merupakan salah satu aktiviti yang mampu menghidupkan suasana bandar yang meriah dan menarik para pelancong. Namun disebalik itu terdapat aktiviti penyalahgunaan secara tidak sah keatas sebahagian besar ruang-ruang awam oleh para peniaga dan penjaja yang mengambil kesempatan di atas kehadiran para pelancong yang kian meningkat setiap hari dan menjana ekonomi mereka secara tidak sah. Penyalahgunaan ruang awam ini telah bercanggah dengan undang-undang dan peraturan yang telah diwartakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selaku pentadbir atau pihak berkuasa tempatan yang mengawal selia kawasan ini. Oleh hal yang demikian, aktiviti penyalahgunaan ruang awam secara tidak sah ini telah menimbulkan pelbagai isu dan masalah sehingga menimbulkan konflik di ruang awam tersebut. Dalam kajian ini, ruang awam yang dikaji meliputi kawasan ruang awam kaki lima rumah kedai, laluan pejalan kaki, jalan raya dan lorong belakang. Maka, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mengenalpasti dengan lebih mendalam lokasi, faktor dan kesan konflik ruang awam yang terjadi demi memastikan elemen kelestarian ruang awam dapat diterapkan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO ini agar terus terpelihara untuk generasi kini dan yang akan datang.

1.2 Permasalahan Kajian

Kawasan ruang awam di dalam kawasan ini adalah sangat terhad kerana kawasan kajian ini merupakan bandar lama yang telah tepu bina. Bandar ini telah lama wujud sejak zaman penjajahan sebelum Malaysia mencapai status kemerdekaan dan terus berkembang pesat sehingga kini. Tiada lagi ruang yang ada di dalam kawasan kajian ini yang bersesuaian untuk dibangunkan sebarang pembangunan baru. Ruang perniagaan sedia ada juga tidak dapat menampung permintaan yang semakin meningkat saban hari kerana dibatasi oleh keadaan ruang yang terhad. Hal ini juga bersabit dengan kawasan kajian ini terletak di Pulau Pinang yang merupakan negeri yang berprestasi tinggi di Malaysia yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang sangat kukuh dan kekal berdaya saing (Penang Institute, 2017).

Sesebuah bandar akan menjadi berdaya huni dan meriah jika ruang awamnya berfungsi dengan baik. Hal ini selaras dengan pendapat yang diutarakan oleh Helene (2007), Chiesura (2004) dan Shirley (2005) yang menyatakan bahawa aktiviti di ruang awam mempengaruhi kehidupan seharian sehingga menyumbang kearah kualiti hidup yang baik. Ruang awam yang berada di dalam bandar ini selain berfungsi sebagai ruang awam untuk orang awam beriadah, bersosial dan sebagainya, ruang awam juga memainkan watak penting dalam menghubungkan sesuatu tempat tumpuan pelancongan ke tempat tumpuan pelancongan yang lain yang berada di dalam sempadan Tapak Warisan Dunia UNESCO ini. Oleh hal yang demikian, ruang awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang ini mempunyai pelbagai aktiviti yang mengambil tempat sejak dahulu sehingga kini. Kepelbagaian aktiviti di ruang awam ini telah mewarnai Tapak Warisan Dunia UNESCO ini yang sememangnya terkenal dengan nilai warisan

berbudaya tinggi sejak zaman berzaman. Masyarakat telah sedia maklum akan kepelbagaian aktiviti yang ada di kawasan ini sejak sekian lama dan merupakan daya penarik ke kawasan terbabit. Lokasi kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO ini yang terletak di George Town yang berperanan sebagai ibu negeri Pulau Pinang sebagai pusat pentadbiran menambahkan lagi keunikan, kemeriahan dan kesibukan aktiviti yang berlaku di dalam dan persekitaran kawasan kajian ini.

Lokasi kawasan ini yang terletak di tengah-tengah kawasan tumpuan menjadikan isu konflik yang melibatkan penggunaan ruang awam sesuatu yang sukar untuk dielakkan daripada berlaku. Lokasi yang mempunyai kepentingan atau tumpuan ramai akan berlakunya konflik ruang awam. Kevin (1973), Dear & Long (1978) dan Urry (1995) menyatakan bahawa konflik yang disebabkan oleh lokasi akan melibatkan konflik di antara sesuatu lokasi dan persekitaran kawasan terbabit. Konflik ruang awam yang berlaku di Tapak Warisan Dunia UNESCO ini dipengaruhi oleh fenomena komersial untuk menarik pelanggan, pengunjung dan pelancong oleh para peniaga dan penjaja di dalam bandar warisan yang menggunakan pelbagai strategi untuk menarik kepelbagaian modal pelaburan dalam meningkatkan persaingan. Hal ini dengan jelas mewujudkan konflik ruang awam di kawasan tersebut. Para peniaga dan penjaja ini telah menjalankan dan mengembangkan perniagaan mereka sehingga ke kawasan ruang awam secara tidak sah. Hal ini telah menyebabkan banyak masalah yang timbul secara sedar mahupun tanpa kita sedari.

Sesetengah orang melihat konflik ruang awam ini di dalam bandar sebagai suatu permasalahan yang berat untuk ditanggung dan dalam masa yang sama terdapat juga

yang melihat konflik ruang awam ini sebagai suatu perkara membawa kebaikan kepada kepada para peniaga dan penjaja. Sebagai contoh dalam aspek perundangan, konflik ruang awam ini merupakan sesuatu yang menyalahi undang-undang tetapi dalam konteks para peniaga, penjaja dan masyarakat bandar itu sendiri, mereka menganggap aktiviti ini sebagai sesuatu yang perlu ada di dalam sesebuah bandar. Konflik ruang awam adalah suatu masalah di sesebuah bandar, namun dalam konteks para peniaga dan penjaja, mereka melihat ini sebagai suatu peluang pekerjaan yang dapat menjana ekonomi dan keuntungan yang tinggi (Ndung'u, 2004).

Orang awam menyukai bandar yang meriah dan ceria dengan pelbagai aktiviti yang dapat dinikmati oleh mereka. Bagi pihak orang awam, bandar yang ceria dan meriah dengan pelbagai aktiviti adalah bandar yang berdayahuni ataupun *liveable*. Kajian oleh Edward (2012) menunjukkan bahawa kecantikan fizikal sesebuah bandar, peluang untuk bersosial dan keterbukaan bandar kepada semua orang adalah kunci utama mewujudkan ikatan emosi positif di antara manusia dan bandar. Oleh itu, sesetengah masyarakat melihat kepelbagaian aktiviti yang berlaku dan mengambil tempat di ruang-ruang awam bandar sebagai sesuatu yang perlu ada dan perlu berlaku di dalam sesebuah bandar. Di Hong Kong, aktiviti ini dianggap sebagai suatu gangguan oleh pihak kerajaan walau bagaimanapun, rakyat, peniaga dan penjaja berbeza pendapat bahawa aktiviti ini adalah aspek kehidupan yang sangat digemari di bandar yang membawa kepelbagaian warna kehidupan dan barangan jualan yang murah (South China Morning Post, 2016). Perniagaan di jalan raya juga mempunyai jualan yang lebih tinggi apabila terdapat lebih banyak pejalan kaki dan penunggang basikal menggunakan jalan ini yang mampu menarik menarik perniagaan formal dan tidak formal (UN-Habitat, 2013).

Walaupun bagaimanapun, pelbagai aktiviti yang berlaku di ruang awam yang kebanyakannya dijalankan oleh para peniaga dan penjaja di kawasan yang tidak sah ini tanpa kita sedari telah menimbulkan konflik ruang awam. Dalam memuaskan hati para peniaga, penjaja dan orang awam yang mahukan ruang awam yang meriah tetapi aspek perundangan telah diabaikan. Menurut UN-Habitat (2013), perniagaan di jalanan yang tidak sah merupakan titik permulaan dan jalan mudah untuk berniaga kerana lebih murah dan mudah untuk beroperasi berbanding membuka kedai di lot perniagaan yang disediakan. Hal ini yang menjadikan isu konflik ruang awam yang terjadi menjadi semakin rumit dan sukar untuk diselesaikan. Para peniaga dan penjaja menguasai ruang awam secara tidak sah untuk tujuan mengembangkan perniagaan mereka. Sebagai contoh, para peniaga dan penjaja mempunyai pelbagai faktor dan perilaku yang menyebabkan mereka menguasai secara tidak sah ruang awam bandar seperti yang berlaku di Nairobi, Kenya (Ndung'u, 2004).

Penyalahgunaan secara tidak sah ke atas ruang awam ini adalah secara jelas telah menyalahi peraturan atau undang-undang sedia ada yang diperuntukkan dalam mengawal selia ruang awam di dalam bandar. Konflik ruang awam yang dicetuskan oleh para peniaga dan penjaja ini adalah menyalahi undang-undang yang telah diwartakan oleh pihak berkuasa tempatan. Hal ini selaras dengan Undang-Undang Kecil Penjaja-Penjaja (Pindaan) 1991 dan Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991. Dalam masa yang sama terdapat juga undang-undang, akta dan garis panduan lain yang dengan jelas menghalang para peniaga dan penjaja menjalankan aktiviti di kawasan yang bukan diwartakan sebagai kawasan perniagaan. Perkara ini jelas telah termaktub dalam undang-undang, akta atau garis panduan yang berkaitan. Undang-undang, akta atau

garis panduan yang diwartakan bukanlah sesuatu yang boleh dilanggar sesuka hati setelah diwartakan oleh pihak kerajaan.

Perkara ini jika tidak dikawal dan dibanteras sehingga ke akar umbi boleh menyebabkan Tapak Warisan Dunia UNESCO ini tersenarai ke dalam ‘senarai warisan dunia yang dalam bahaya’. Menurut pihak UNESCO (2016), ‘bahaya’ yang dimaksudkan adalah merujuk kepada ancaman yang pasti, terbukti dan berpotensi ke arah pempandaran dan pembangunan pelancong yang tidak terkawal sehingga menyebabkan harta benda di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO ini menghadapi ancaman yang boleh memberi kesan negatif terhadap nilai dan imej Tapak Warisan Dunia UNESCO. Status sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO ini boleh ditarik balik jika konflik ruang awam ini terus berlaku dan menjejaskan nilai keunggulan sejagat (*Outstanding Universal Values*) yang ada di Tapak Warisan Dunia UNESCO ini. Status sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO ini perlu terus dipelihara dan dihargai oleh semua lapisan masyarakat agar dapat menjadi tatapan generasi yang akan datang. Di samping itu, hal ini jika tidak dikawal juga berkemungkinan boleh disabitkan dengan Artikel 11 (4) Konvensyen mengenai Perlindungan Warisan Budaya dan Alam Dunia UNESCO (1972) iaitu ‘kemusnahan yang disebabkan oleh perubahan penggunaan atau pemilikan tanah’. Dalam kes ini melibatkan konflik ruang awam menjadi ruang peribadi secara tidak sah.

Maka, kajian ini bertujuan untuk mengetahui di mana lokasi konflik ruang awam berlaku di samping mengkaji faktor dan kesan konflik ruang awam ini. Pelbagai faktor dalam konteks fizikal, sosial dan ekonomi yang mendorong konflik ruang awam oleh para peniaga dan penjaja ini berlaku. Kesan yang timbul disebabkan konflik ruang

awam ini jelas lebih berat kearah keburukan jika dibandingkan kearah kebaikan. Hal ini perlu diperbaiki dan diselesaikan dengan segera agar konflik ruang awam yang terjadi dapat dicari suatu jalan penyelesaian yang terbaik yang dapat memberi kebaikan kepada semua pihak. Isu permasalahan ini perlulah diberikan perhatian khusus yang sangat serius. Satu langkah jalan penyelesaian yang menyeluruh dan kondusif dalam menangani konflik ruang awam ini daripada terus berleluasa haruslah dirangka dan dilaksanakan segera. Hal ini kerana, ruang awam yang lestari dapat menjamin masa depan bandar yang lebih berdaya huni dan berdaya saing lebih-lebih lagi ruang awam ini terletak di dalam sempadan Tapak Warisan Dunia UNESCO.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini meneliti beberapa persoalan yang timbul disebabkan oleh konflik ruang awam yang berlaku. Maka, beberapa persoalan telah dikenal pasti iaitu:

- i. Dimanakah lokasi konflik ruang awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang ?
- ii. Apakah faktor konflik ruang awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang?
- iii. Apakah kesan konflik ruang awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang ?

1.4 Objektif Kajian

Dalam usaha untuk mencapai matlamat kajian ini, terdapat beberapa objektif yang telah dikenal pasti iaitu:

- i. Mengenal pasti lokasi konflik ruang awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang.
- ii. Mengkaji faktor yang mempengaruhi konflik ruang awam.
- iii. Mengkaji kesan konflik ruang awam terhadap persekitaran fizikal, sosial dan ekonomi.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya mengkaji konflik ruang awam yang berlaku di dalam sempadan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang sahaja. Kajian mengenai konflik ruang awam yang berlaku ditempat-tempat lain di seluruh dunia terutamanya yang melibatkan konflik ruang awam di bandar warisan bersejarah dijadikan contoh dan panduan untuk menjayakan kajian ini. Konflik ruang awam ini melibatkan para peniaga dan penjaja yang menyalahgunakan ruang awam sebagai ruang peribadi secara tidak sah. Bagi memastikan kajian ini merungkai segala permasalahan kajian dan menjawab persoalan dan juga objektif kajian mengenai konflik ruang awam, pengkaji telah memfokuskan kajian ini hanya dalam konteks kerangka undang-undang (*institutional*) sahaja tanpa melibatkan pihak pemegang taruh (*stakeholder*) atau orang awam. Skop kajian ini menjadikan asas kepatuhan dan kedaulatan undang-undang atau peraturan yang melibatkan penggunaan ruang awam oleh para peniaga dan penjaja di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi manfaat kepada pelbagai pihak agensi kerajaan terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu agensi yang mengawal selia dan mengurus tadbir sesebuah bandar. Pihak swasta dan masyarakat awam terutamanya para peniaga dan penjaja juga akan mendapat kesan akan limpahan daripada kajian ini, apabila mereka akan mendapat kefahaman yang lebih jelas mengenai cara mengurus konflik ruang awam. Hal ini kerana semua sedia maklum bahawa kesedaran masyarakat awam akan kemudahan dan infrastruktur yang ada di dalam bandar adalah pada tahap yang sederhana. Hasil kajian ini juga akan mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung ke arah kelestarian ruang awam .

Dalam konteks ilmu, hasil kajian ini adalah sangat berguna ke arah menyumbang dalam memberi definisi sebenar dalam dunia penyelidikan terutamanya dalam bidang geografi dan perancangan bandar yang berkaitan dengan perancangan dan pengurusan yang melibatkan konflik yang berlaku di ruang awam. Segala isu pertindihan dan ketidakselarasan mengenai definisi dan fungsi ruang awam yang menjadi konflik ruang awam selama ini akan dapat diselesaikan. Kefahaman makna sebenar ruang awam dalam bandar akan dapat dicapai dan diterangkan kepada masyarakat dalam konteks ilmu akademik. Cara mengurus dan menyelesaikan konflik ruang awam akan dapat dikenalpasti dan dapat dikongsi pada semua. Dalam masa yang sama juga, kajian ini akan memberi nilai tambah dalam kajian mengenai teori tempat di ruang awam atau *theory of place in open space*. Hal ini akan membuka ruang kajian geografi dan perancangan bandar yang lebih mendalam pada masa hadapan dalam dunia penyelidikan berkaitan ruang awam. Ruang awam yang berfungsi dan mengikut definisi yang selaras dengan fungsi sebenar ruang awam

akan memainkan peranan dalam kelestarian ruang awam. Ruang awam akan mencapai tahap kelestarian jika segala isu dan konflik yang terjadi dapat diselesaikan.

Disamping itu, kajian ini lebih istimewa disebabkan kawasan kajian ini berada di dalam sempatan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Hal ini kerana kajian ini boleh dijadikan penanda aras dan contoh dalam mengurus dan menyelesaikan isu konflik ruang awam yang berlaku di Tapak Warisan Dunia UNESCO serata dunia yang lain. Ketiadaan undang-undang khas atau peraturan yang khusus oleh pihak UNESCO mengenai pengurusan ruang awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO juga menjadikan kajian ini lebih penting untuk dijalankan. Hal ini dapat membuka mata pihak UNESCO agar kepentingan ruang awam yang ada di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO supaya suatu undang-undang khas berkaitan ruang awam dapat diwartakan dan menjadi panduan untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO seluruh dunia.

Oleh hal yang demikian, segala keputusan dalam perancangan pembangunan terutamanya yang melibatkan ruang awam akan lebih diambil berat dan diberikan perhatian khusus oleh pihak yang berkaitan terutamanya yang melibatkan segala pembangunan baru yang mengambil tempat atau melibatkan penggunaan ruang awam. Ia juga boleh menjadi rujukan kepada pelbagai sektor terutamanya sektor swasta dan juga orang awam mengenai keperluan dan kesedaran dalam menjaga ruang awam di dalam tapak warisan negara. Kajian ini juga membincangkan mengenai cara untuk mengurus dan memantau segala perancangan dan pengekalan bandar warisan yang ada di Malaysia. Hal ini sangat penting untuk mencapai

keseragaman dalam perancangan dan pembangunan oleh semua pihak yang terlibat dalam mengurus tadbir bandar warisan .

1.7 Struktur dan Organisasi Kajian

Tesis ini dibahagikan kepada lapan bab untuk menerangkan proses penyelidikan daripada awal mengenal pasti masalah sehingga ke akhir dalam usaha untuk mencari cadangan penambahbaikan dan jalan penyelesaian yang terbaik. Bab satu membincangkan mengenai pengenalan kajian yang merangkumi pengenalan, permasalahan kajian, persoalan, objektif, skop kajian, kepentingan kajian dan struktur kajian. Bab ini memberikan gambaran awal secara ringkas dan padat sebab utama kenapa kajian ini perlu dijalankan berdasarkan isu dan permasalahan yang telah dan sedang berlaku di kawasan kajian.

Bab dua membincangkan mengenai sorotan kajian literatur yang berkaitan dengan kajian ini dengan menghuraikan ruang awam, kelestarian ruang awam, perundangan dan konflik ruang awam yang menjadi fokus utama kajian ini. Tujuan kajian literatur ini adalah untuk melihat dengan lebih terperinci mengenai objektif dan penilaian secara kritikal terhadap kajian-kajian yang terdahulu yang mempunyai perkaitan atau persamaan dengan kajian ini. Pengetahuan akan definisi sebenar perkara yang ingin dikaji adalah penting untuk pengetahuan sepanjang kajian ini dilakukan agar sentiasa menjawab persoalan dan objektif kajian. Segala isu dan permasalahan dikupas dengan lebih mendalam dalam bab ini dalam usaha untuk mendapatkan perkaitan di antara peniaga dan penjaja yang menimbulkan konflik ruang awam di kawasan kajian.

Seterusnya dalam bab tiga menerangkan kaedah kajian yang digunakan iaitu kajian lapangan di ruang awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO ini yang melibatkan soal selidik ke atas para peniaga dan penjaja. Seterusnya, temu bual dengan jabatan kerajaan dan badan bukan kerajaan yang terlibat dengan urus tadbir ruang awam juga dijalankan dalam usaha untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan konflik ini terjadi. Lokasi konflik ruang awam juga ditandakan koordinat menggunakan aplikasi *Global Positioning System* (GPS). Jumlah para peniaga dan penjaja yang menyalahgunakan ruang awam dan lokasi yang terlibat juga direkodkan untuk kajian ini. Antara perkara yang diterangkan dalam bab ini ialah tujuan utama penyelidikan, perkara utama yang diberi perhatian, gaya penyelidikan, jenis sampel penyelidikan, jangka masa penyelidikan dan diakhiri dengan kaedah menganalisis data primer dan sekunder yang diperolehi.

Seterusnya, bab empat menerangkan mengenai kawasan kajian yang terlibat dengan lebih terperinci secara keseluruhan. Lokasi konflik ruang awam berdasarkan proses pengumpulan data daripada kawasan kajian juga dipersembahkan dalam bab ini. Peta dan analisis berdasarkan aplikasi ArcGIS 10.1 dihasilkan dalam usaha untuk mengenalpasti jenis corak atau *analyzing pattern* yang dihasilkan berdasarkan lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti.

Seterusnya, bab lima mempersembahkan segala dapatan kajian hasil daripada proses pengumpulan data soal selidik di kawasan kajian dan analisis yang telah dijalankan dipersembahkan dalam bab ini. Dapatan kajian dan analisis ini akan mempersembahkan latar belakang responden dan maklum balas responden berkaitan pengetahuan tentang ciri ruang awam, kepuasan perkhidmatan oleh pihak berkuasa

tempatan dan kelestarian ruang awam di kawasan kajian. Hal ini untuk mendalami isu ruang awam yang ada di kawasan kajian dan hubungan yang terjalin di antara peniaga dan penjaja dengan ruang awam tersebut. Bab ini juga akan menerangkan konflik ruang awam dalam usaha untuk mencari faktor konflik ini terjadi dan kesan yang timbul akibat konflik tersebut secara lebih mendalam. Pelbagai kaedah analisis diguna pakai dalam bab ini seperti *Chi-Square*, Indeks Kepentingan Relatif (RII) dan pelbagai lagi. Analisis- analisis ini menjawab segala persoalan dan objektif dalam kajian ini. Faktor dan kesan konflik ruang awam ini dapat dikenal pasti dalam usaha untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Seterusnya diikuti dengan bab enam yang mempersembahkan dapatan maklum balas temu bual daripada tiga agensi kerajaan dan separa kerajaan yang bertanggungjawab mengurus tadbir ruang awam di kawasan kajian. Bab ini menerangkan maklum balas temu bual berkaitan bagaimana urus tadbir ruang awam dijalankan dan mendapatkan maklum balas daripada agensi yang terlibat mengenai isu konflik ruang awam. Dapatan daripada kaedah temu bual ini dianalisis dengan menggunakan aplikasi *NVivo 12 Plus*. Keadaan semasa di ruang awam dan keadaan ruang awam yang sepatutnya berlaku dibincangkan dalam bab ini untuk memberikan gambaran yang jelas akan perkara yang berlaku dan sepatutnya berlaku di ruang awam.

Seterusnya, bab tujuh akan membincangkan mengenai segala dapatan kajian secara menyeluruh dan terperinci. Perbincangan ini melihat segala perkaitan dan percanggahan yang timbul hasil daripada analisis yang telah dijalankan. Perbincangan ini akan merumuskan konflik ruang awam yang wujud dalam usaha untuk mencari langkah dan jalan penyelesaian yang terbaik.

Akhir sekali, bab lapan menerangkan dan membincangkan cadangan dan kesimpulan kajian ini dalam usaha untuk penambahbaikan dalam mengatasi segala permasalahan dan isu yang dikenal pasti hasil daripada analisis kajian ini. Bab ini juga merupakan bab yang menyimpulkan segala isu dan permasalahan ke arah jalan penyelesaian dan cadangan yang terbaik dan menyeluruh. Di samping itu, bab ini turut membincangkan sumbangan kajian dan cadangan kajian pada masa hadapan.

1.8 Rumusan

Bab ini mengupas segala permasalahan yang berlaku di kawasan kajian. Aktiviti perniagaan dan penjajaan yang tidak sah menyebabkan konflik ruang awam yang tidak terkawal. Pada masa yang sama, ketidakseragaman pelbagai pihak yang mengurus tadbir bandar di kawasan warisan menyebabkan aktiviti perniagaan dan penjajaan yang dijalankan tidak dapat dikawal dengan sempurna. Penglibatan komuniti dalam segala hal yang dirancang oleh pihak berkuasa tempatan juga memainkan peranan yang sangat penting. Oleh hal yang demikian, kajian ini sangat penting dalam usaha untuk mengkaji lokasi, faktor dan kesan konflik ruang awam di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang.

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kajian penyelidikan dan penemuan lepas mengenai ruang awam, konflik ruang awam dan kelestarian ruang awam. Sorotan daripada kajian lepas diulas untuk dijadikan asas dan rujukan dalam kajian ini dalam mencari titik persamaan dan mengisi lompong kajian. Hal ini bertujuan untuk mengkaji konflik ruang awam yang berlaku di tempat lain yang boleh diguna pakai dan diadaptasi dalam kajian ini. Elemen perundangan yang melibatkan ruang awam sebelum dan selepas pewartaan kawasan kajian sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO juga dikaji dalam usaha untuk merungkai isu permasalahan konflik ruang awam.

2.2 Ruang Awam

Ruang awam di dalam bandar banyak dibincangkan oleh ramai pengkaji dan digambarkan sebagai 'ruang terbuka' seperti jalan raya, taman, padang, dataran, ruang kaki lima dan pelbagai lagi yang bukan bersifat peribadi dan juga merupakan komponen utama sebuah bandar yang makmur dan sejahtera. Menurut PLANMalaysia (JPBD, 2004), ruang awam merupakan ruang di dalam kawasan bandar yang paling penting dan merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia di bandar iaitu mana-mana tanah sama ada dikepong atau tidak yang telah ditetapkan atau tidak atau rizab untuk disusun atur keseluruhannya atau sebahagiannya, taman awam, tempat bersukan, tanah rekreasi dan laluan pejalan kaki. Jika suasana ruang awam kelihatan menarik maka suasana bandar akan kelihatan menarik tetapi jika

suasana di ruang awam kelihatan membosankan atau sunyi maka suasana bandar turut kelihatan kusam dan tidak hidup atau *liveable*. Semua orang adalah bebas dan berhak untuk melakukan sebarang aktiviti di ruang awam terbabit tanpa sebarang halangan atau paksaan selagi mana tidak menyalahi undang-undang.

Berdasarkan penyelidikan yang luas di bandar seluruh dunia, UN-Habitat (2016) dalam Program Ruang Awam Global atau *Global Public Space Programme* mengesyorkan bahawa sehingga 50% tanah bandar harus diperuntukkan kepada ruang awam yang dipecahkan kepada 30% untuk jalan dan laluan pejalan kaki manakal 20% lagi untuk ruang terbuka, ruang hijau dan kemudahan awam. Ruang awam adalah nadi yang paling penting dalam bandar yang merupakan ciri topografi asas sesebuah bandar di sesuatu tempat dan dalam masa yang sama menyediakan rasa estetika dengan melibatkan persekitaran yang menarik dan mewujudkan visual di ruang tersebut (Cattell *et al.*, 2008; Heckscher & Robinson, 1977; Jacobs, 1985; Payne, 2009). Ruang awam yang ada di dalam bandar mempunyai kesan positif terhadap ekonomi, persekitaran, keselamatan, kesihatan, integrasi dan kesaling hubungannya. Kualiti hidup penduduk bandar secara langsung dan sedikit sebanyak berkait dengan keadaan ruang awamnya. Hal ini berkait dengan kenyataan Thompson (2002) yang menyatakan ruang awam yang terbaik adalah ruang yang dapat mewujudkan hubungan secara langsung di antara ruang dan mereka yang tinggal atau bekerja di dalamnya.

Pelbagai unsur dan elemen telah dikenal pasti dan bincangkan dalam usaha untuk mewujudkan ruang awam yang dapat memuaskan hati semua pihak yang berada di dalam bandar yang berfungsi sebagai sumber sosio-ekonomi seperti penjaja menjaja

barangan dan tempat para peniaga menjual atau menawarkan pelbagai perkhidmatan. Dalam masa yang sama, secara rasionalnya ruang awam selalu dikaitkan dengan sosio ekonomi, keselamatan alam sekitar dan kesihatan orang awam di bandar (WHO, 2007; Tzimir, 2009; Rika, 2014; Stanley *et al.*, 2012). Unsur yang berasaskan alam sekitar, kawasan hijau, laluan pejalan kaki, ruang berkerusi, jalan raya, lalu lintas, laluan basikal, keselamatan dan perkhidmatan yang ditawarkan di ruang awam perlu diguna pakai agar menjadi simbolik kepada kehidupan atau menghidupkan suasana sesuatu bandar. Unsur-unsur yang dinyatakan ini perlu ada dalam memastikan ruang awam dapat wujud dengan sempurna di dalam bandar. Ruang awam juga dianggap sebagai simbol visual kekuasaan (Engel, 2006) dan mempunyai elemen yang kuat dalam membentuk seni bina, nilai estetika sebuah bandar dan memainkan peranan pendidikan yang penting dalam ekologi bandar (Council of Europe, 1986).

Berdasarkan semua pendapat dan ulasan para pengkaji, ruang awam merupakan suatu entiti bebas yang terbuka untuk dinikmati dalam konteks fizikal, sosial dan ekonomi oleh semua lapisan masyarakat tanpa menyalahgunakan kebebasan yang diberikan oleh pihak pentadbir kawasan tersebut selagi mana masih berlandaskan peraturan dan undang-undang sedia ada kawasan terbabit. Maka, hal ini jelas menunjukkan bahawa ruang awam merupakan suatu kemudahan yang sangat dititikberatkan dalam setiap pembangunan dalam bandar dan perkara utama yang perlu dijaga dan dipelihara untuk kemudahan bersama setiap masyarakat.

2.2.1 Sejarah Evolusi Kewujudan Ruang Awam

Ruang awam telah wujud sejak sekian lama dan masih relevan sehingga kini. Menurut Mumford (1970), ruang awam mempunyai kedudukan yang penting di dalam bandar sejak zaman dahulu lagi dan pendapat ini disokong oleh Tianjiao dan Kin (2014) yang menyatakan bahawa konsep ruang awam dapat dilihat sejak zaman purba Greece. Ruang awam bermula sejak zaman Greek di Greece di mana pasar yang dipanggil Agora berkembang berorientasikan pasar jalanan di jalan raya sebelum penciptaan kenderaan mudah alih yang membolehkan manusia bergerak dan berhubung (Rubenstein, 1992). Pendapat ini disokong dengan lebih kuat lagi dengan pernyataan oleh Siavash dan Derya (2011) yang menerangkan bahawa ruang awam telah menjadi perhatian utama dalam perancang bandar selama berabad-abad lamanya sejak pengurusan agora Greek dan Roman tetapi telah diabaikan untuk jangka masa yang sangat lama disebabkan oleh kesan daripada perancangan dan pembangunan bandar. Menurut beliau juga, ruang awam bandar merujuk kepada ruang yang lebih selamat, lebih wajar, lebih menarik dan yang mempunyai keupayaan untuk menawarkan lebih banyak pilihan untuk aktiviti bersosial dan juga sebagai tempat untuk pertukaran budaya antara masyarakat.

Pada kurun ke-18, seorang ahli sejarawan iaitu Jackson (1984) menyatakan bahawa setiap kawasan ruang awam adalah untuk kegunaan institusi awam berbanding untuk kegunaan peribadi setiap individu. Hal ini bermaksud setiap seni bina bangunan yang dibina ketika itu mempunyai kawasan ruang awam sendiri. Ruang awam ini mewujudkan imej bandar di mana apabila mereka berada di ruang awam, mereka akan menjadikan tempat tersebut sebagai tempat pertemuan, pusat untuk pelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan persekitaran fizikal dan hubungan sosial sesama

mereka. Ruang awam yang berada di dalam bandar telah berkembang dan terus kekal relevan sehingga kini dalam konteks perancangan bandar. Oleh hal yang demikian, ruang awam merupakan suatu kawasan yang mesti dan wajib ada dalam sesebuah bandar. Ruang awam yang dikhususkan untuk orang awam tidak boleh disalahgunakan untuk kepentingan peribadi seseorang atau sesebuah organisasi.

2.2.2 Ciri-Ciri Ruang Awam dalam Kajian Ini

Dalam mengkaji ruang awam, ciri-ciri utama ruang awam perlu difahami dengan lebih mendalam. Ruang awam memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Oleh hal yang demikian, berdasarkan definisi ruang awam yang telah diterangkan oleh para pengkaji ruang awam seluruh dunia, ciri-ciri ruang awam dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tujuan kepenggunaan, kebolehcapaian dan pemilikan mengikut kesesuaian dan kehendak kajian ini.

2.2.2(a) Tujuan Penggunaan Ruang Awam

Ruang awam haruslah memenuhi keperluan rekreasi atau yang lebih tepat lagi adalah bertujuan untuk aktiviti beriadah bagi masyarakat di sesuatu tempat atau kawasan. Maka, ruang awam mestilah bersifat terbuka kepada semua dan bukanlah disebabkan hanya bebas daripada bangunan atau ditutupi oleh tumbuhan tetapi dalam erti kata lain adalah tidak terikat untuk pengguna menggunakannya pada bila-bila masa dan ketika apabila perlu (Lynch & Carr, 1995). Hal ini membawa erti bahawa ruang awam adalah tempat untuk menghubungkan rangkaian di dalam bandar dan membolehkan orang ramai untuk bergerak dan memenuhi tuntutan aktiviti untuk bersosial. Pendapat ini disokong oleh pandangan yang menyatakan bahawa ruang awam menyediakan tempat untuk orang ramai untuk bersosial, berinteraksi dan

berkumpul yang menyumbang kepada penyertaan sosial dan modal insan masyarakat setempat (Whyte, 1985; Danisworo, 1989; Hajer & Reijndorp, 2001; Maas, Van, Verheij & Groenewegen, 2009; Wood & Giles, 2010) Ini dengan jelas membuktikan bahawa ruang awam mestilah bersifat terbuka, orang awam bebas memilih untuk menggunakannya dan juga bebas secara spontan untuk melakukan sebarang aktiviti di dalamnya.

Ruang awam juga diperihalkan sebagai tempat pertukaran atau perkongsian kumpulan untuk bersosial (Hajer & Reijndorp, 2001) dan menurut Gehl (1996) dan Lofland (1998) ruang awam merupakan tempat golongan yang suka bergaul yang melibatkan pelbagai kumpulan manusia. Hal ini bertujuan untuk membolehkan orang awam menghabiskan lebih banyak masa dengan melakukan pelbagai aktiviti beriadah yang berfaedah bersama-sama anggota masyarakat yang lain. Ruang awam yang lebih mudah untuk difahami iaitu ruang yang dibina untuk tujuan sosial. Hal ini membawa maksud semua perkara tanpa mengira agenda boleh berlaku di ruang awam. Dalam masa yang sama, ruang awam juga merupakan kawasan yang dikongsi bersama-sama dengan orang awam yang lain untuk mendapatkan kedamaian atau ketenangan bersama-sama disamping merupakan tempat untuk kegunaan sendiri (Walzer, 1986). Seterusnya, Gehl (1987) dan Child (2004) menyatakan bahawa ruang awam di dalam bandar boleh mengundang dan menggalakkan orang ramai menjalankan pelbagai aktiviti sambil merehatkan diri dan mencari ketenangan. Ruang awam sering kali dikaitkan dengan keseronokan, rekreasi, pertemuan manusia dan aktiviti sosial. Ia juga memainkan fungsi yang penting dalam memperbaharu dan menstabilkan atau menyeimbangkan bandar sebagai pusat asas dalam aspek sosial dan ekonomi. Dengan kata lain ruang awam yang ditakrifkan oleh adalah

kebersamaan, keseronokan masyarakat meraikan perayaan dan kemeriahan. Hal ini disokong dengan pendapat yang menyatakan bahawa bandar boleh menjadi tempat tinggal yang sangat sesuai untuk didiami dengan kerana kualitinya, reka bentuk yang baik dan pengurusan ruang awam yang baik (Carmona & Tiesdell 2007).

Abu (1996) dan Golicnik & Thompson (2009) yang menyatakan bahawa reka bentuk dan kualiti ruang awam mempengaruhi penggunaan dan aktiviti yang berlaku dalam di dalamnya. Dalam masa yang sama, ruang awam yang berjaya haruslah menggalakkan elemen keselesaan psikologi dan menitikberatkan tahap keselamatan dan hubungan sosial masyarakat (Danisworo, 1989). Antara kriteria fizikal ruang awam yang berkualiti tinggi adalah dengan adanya hubungan pejalan kaki yang jelas dan berintegrasi dengan pengangkutan awam (*Project for Public Space*, 2000; Gehl 2002; CABE & DETR, 2001). Bangunan dan unsur-unsur semula jadi ini adalah faktor penting yang perlu ada dalam ruang awam untuk menjamin keselesaan masyarakat untuk bersantai. Lanskap tumbuhan di sepanjang laluan pejalan kaki dan kerusi diletakkan untuk masyarakat berehat dan beriadah (Kaplan & Kaplan, 1989; Carr, 1992; Gehl, 2002). Perkara ini perlu dititik beratkan agar ruang awam yang lestari dapat dinikmati oleh masyarakat bandar dan kemudahan ruang awam yang tersedia terus kekal terpelihara.

Seterusnya, ruang awam mempunyai pelbagai fungsi dan peranan dalam kehidupan seseorang masyarakat. Menurut Oldenburg (1989) dalam bukunya yang bertajuk '*The Great Good Place*', ruang awam adalah tempat orang ramai boleh berkumpul dan berinteraksi, suasananya tidak seperti rumah atau di tempat kerja. Ruang awam berfungsi sebagai ruang tamu sesebuah bandar bandar. Ruang awam merupakan

tempat di mana orang ramai bersama-sama menikmati bandar dan berinteraksi antara satu sama lain. Hal ini disokong oleh John (2014) menyatakan ruang awam yang baik adalah tempat aktif yang di penuh dengan orang-orang dari semua lapisan masyarakat dan memfokuskan lima ciri-ciri ruang awam yang baik iaitu ruang yang kecil, dikelilingi oleh kepelbagaian, berkongsi atau gabungan antara ruang awam dan peribadi tanpa berlaku sebarang konflik dan dapat meningkatkan persekitaran bandar, adalah ruang yang dapat memenuhi ruang atau kawasan yang penting tanpa dibiarkan kosong atau tidak berpenghuni dan akhir sekali menarik orang ramai menggunakannya. Perkara ini jelas membuktikan bahawa ruang awam direka dan dirancang bertujuan untuk memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat bandar yang inginkan sebuah ruang yang bebas daripada sebarang gangguan dan halangan.

Dalam masa yang sama, menurut Lefebvre (1991) kebanyakan aktiviti dan pengalaman sosial seharian masyarakat berlaku di ruang awam. Hal ini menunjukkan bahawa ruang awam memainkan fungsi yang sangat penting dalam pembentukan aktiviti masyarakat seharian. Oleh itu dapat dikatakan ruang awam merupakan pusat aktiviti yang dapat mempengaruhi kehidupan seharian individu dan pembangunan masyarakat yang meningkatkan interaksi sosial, rasa bermasyarakat dan rasa selamat (Henaff dan Strong 2001; Pasougullari dan Doratli, 2004; Helene, 2007). Seterusnya, Low *et al.*, (2006) menerangkan bahawa keperluan dan kepentingan untuk memelihara ruang awam dalam bandar adalah berdasarkan detik-detik bersejarah yang berlaku dan berbeza di setiap kawasan atau ruang. Dapat dilihat dengan jelas disekeliling kita bahawa bahawa ruang awam seperti taman dapat dijadikan tempat untuk mengukuhkan hubungan masyarakat dan mengeratkan siraturahim. Unsur-unsur fizikal dan aktiviti di ruang awam menawarkan banyak manfaat kepada kualiti

hidup, kesihatan, interaksi sosial dan nilai ekonomi. Terdapat juga sesetengah pengkaji seperti Miles *et al.*, (2000); Weswood & Williams (1997) berhujah mengenai ruang awam di bandar dengan mengatakan bahawa ruang awam di bandar merupakan ruang budaya yang terhasil daripada perkembangan intelektual yang dijana melalui kuasa, harta dan teknologi yang ditapis melalui budaya sesuatu tempat. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran dan keadaan sekeliling mempengaruhi keadaan dan aktiviti yang mengambil tempat di sesuatu ruang awam.

Ruang bandar juga haruslah mempunyai ruang awam yang mencukupi bagi mengekalkan interaksi sosial antara penduduk di dalamnya. Ursula dan Friedemann dalam Florian dan Robert (2006) & Brill (1989) berpendapat bahawa orang awam mempunyai hak untuk berkumpul, berdemonstrasi dan meluahkan pendapat atau pandangan di ruang awam yang disediakan tanpa sebarang sekatan daripada pihak lain. Hal ini menunjukkan bahawa ruang awam merupakan tempat yang menyediakan suasana dan kehidupan awam iaitu orang awam boleh berforum, berkumpul, belajar, bersosial dan bersebang secara santai. Maka, ruang awam telah menjadi perhatian utama dalam pembangunan kawasan bandar disebabkan oleh hubungan yang rapat dengan isu-isu keselamatan manusia seperti sosio ekonomi, kesihatan dan alam sekitar.

Menurut Kallet dan Rofe (2009), kawasan ruang awam merupakan ruang untuk masyarakat dalam persekitaran bandar untuk menggunakan kemudahan dan rekreasi fizikal sama ada kegunaan secara aktif mahupun pasif. Ruang awam juga boleh menjadi tempat perhimpunan atau sebahagian daripada tempat kejiranan, pusat bandar, pantai atau kawasan lain di dalam kawasan awam yang membantu